

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

5. Kerajaan Persekutuan pimpinan Barisan Nasional telah gagal melaksanakan Projek Perumahan 1 Malaysia (PRIMA) di Pulau Pinang.
- (a) Apakah status pelaksanaan projek Perumahan Harapan?
  - (b) Bilakah projek berkenaan dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan di Negeri Pulau Pinang? Sila huraikan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. (a) Semasa kunjungan hormat YB. EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa ke Pejabat YB. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 4 Jun 2018 yang lalu, syor supaya program perumahan Kerajaan Persekutuan seperti Projek Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPA1M) dijenamakan semula kepada Perumahan Harapan Rakyat menerima respon positif Kementerian. Perkara ini akan dibentang oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada Kabinet selaras hala tuju memusatkan inisiatif perumahan dibawah satu bumbung. KPKT juga sedang dalam rangka awam Dasar Perumahan yang baru dimana konsep Perumahan Harapan dengan luas

ruang lantai melebihi spesifikasi sedia ada dikaji.

Sekiranya syor ini diluluskan, empat (4) projek PR1MA yang masih dalam perancangan dan peringkat awal pembinaan iaitu masing-masing tiga (3) di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan satu (1) di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai akan dikenali sebagai Perumahan Harapan. Senarai projek tersebut adalah seperti berikut :-

- (i) 905 RMM C dan 212 RMM B di Plot B, Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir oleh Tetuan Ideal Capital Venture Sdn Bhd;
  - (ii) 855 RMM C dan 66 Unit Kedai / Pejabat di Plot C, Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir oleh Tetuan Ideal Capital Venture Sdn Bhd;
  - (iii) 1,248 RMM C di Jalan Sungai Batu, Batu Feringghi oleh Tetuan Eastcape Vista Sdn Bhd; dan
  - (iv) 1,017 RMM C di Permatang Pauh oleh Tetuan Excell Focus.
- (b) Pemajuan PR1MA di Permatang Pauh telah dimulakan pada awal 2018, manakala pemajuan di PR1MA di Batu Feringghi sedang dalam proses Permit Memulakan Kerja (COW).